

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan  
**Sent:** Monday, April 9, 2018 3:52 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle  
**Subject:** LAWATAN KOLABORASI UUM-UMT ANJURAN KELAB PEMASARAN (MarC) SBM



**Pusat Pengajian Pengurusan  
Perniagaan**  
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT  
**Universiti Utara Malaysia**

**9 APRIL 2018 / 22 REJAB 1439H**

=====

**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan selamat sejahtera

### **LAWATAN KOLABORASI UUM-UMT ANJURAN KELAB PEMASARAN (MarC) SBM**



**SBM ONLINE :** Pada 5 April 2018 yang lalu, 76 pelajar jurusan pemasaran bersama seorang pensyarah pengiring dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan lawatan ke Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena aktiviti kelab anjuran Kelab Pemasaran (MarC), Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM). Lawatan selama tiga hari dua malam itu disambut mesra oleh 40 ahli Kelab Pemasaran.

Aktiviti dimulakan dengan sesi memperkenalkan UUM kepada delegasi UMT yang bermula di Anjung Tamu pada jam 8.30 pagi. Para pelajar UMT diberi taklimat ringkas dan mesra oleh kakitangan Anjung Tamu mengenai UUM. Rombongan seterusnya di bawa ke Bilik Kedah, SBM untuk aktiviti bersama staf akademik bidang Pemasaran. Ketua Jabatan Pemasaran, Dr. Norzieirani Ahmad dan beberapa pensyarah pemasaran lain menyambut mesra kedatangan delegasi UMT bersama hidangan Nescafe.

Hadir sama bagi memeriahkan lagi majlis ialah Dekan SBM, Prof Dr Haim Hilman Abdullah, yang memulakan ucapan mengalu-alukan kedatangan semua delegasi. Prof Dr Haim Hilman turut memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada semua yang hadir untuk terus belajar bagi mengapai impian masing-masing. Beliau tidak jemu menasihatkan pelajar agar bersungguh-sungguh menimba ilmu dan memberikan yang terbaik demi mencapai kejayaan sekaligus dapat memberikan kegembiraan kepada ibubapa dan membalas jasa mereka. Majlis ini juga diserikan dengan sesi soal jawab dan diskusi mengenai peluang kolaborasi antara UMT dan SBM, UUM di masa hadapan.

Sebaik selesai aktiviti ini, rombongan ini meneruskan aktiviti dengan mengadakan lawatan ke Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Bangunan Canselori. Selepas solat Zohor, para pelajar UUM dan UMT mengadakan aktiviti berkumpulan seperti LDK, *Ice Breaking* dan *Explore Race*. Rombongan UMT berangkat pulang pada keesokan harinya selepas melawat Pokok Tiga Beradik dan Pusat Ekuastrian.

-TAMAT-



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.